

'Tak timbul isu pecat Azmin'

BH - 9/12/2019 m/d: 4

Perwakilan mahu parti bersatu, tak tolak ansur masalah disiplin

Laporan Johari Ibrahim, Mohd Anwar Patho Rohman, Fairuz Zaidan, Nurul Fhatihah Zakinan, Ahmad Suhael Adnan dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my



Ayer Keroh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tidak timbul isu parti memecat keahlian Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan kumpulan yang tidak hadir pada hari terakhir Kongres Nasional PKR 2019, semalam.

Presiden PKR itu berkata, isu pemecatan tidak berbangkit walaupun soal itu ditimbulkan oleh perwakilan yang berdebat pada kongres berkenaan.

"Perkara itu (pemecatan) hanya disuarakan perwakilan tetapi tidak ada kemungkinan untuk dibalas (dengan pemecatan). Saya tidak ada masalah untuk berbilang, tapi masalah yang disuarakan kuat oleh perwakilan adalah sentimen parti mahu bersatu, tidak bertolak ansur dengan apa yang mereka anggap menyimpang daripada disiplin," katanya pada sidang media, semalam.

Mohamed Azmin tidak hadir pada hari terakhir kongres, namun Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu memaklumkan kepada Pengerusi Tetap, Datuk Ahmad Kassim, bahawa beliau mempunyai komitmen keluarga, malah Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) dikaitkan dengan menteri itu juga memaklumkan melalui surat dan secara lisan mengenai ketidakhadiran mereka.

Ketibaan Anwar bersama Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan

Ismail, sekitar jam 9.05 pagi menyaksikan hanya Naib Presiden PKR, Tian Chua yang dikaitkan dalam kumpulan Mohamed Azmin, menyambut mereka.

Mengikut jadual, hari terakhir kongres bakal menyaksikan ucapan penggulungan daripada Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Ketua Wanita, Naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden PKR.

Timbalan Presiden PKR itu menerusi Twitternya semalam, menegaskan beliau dan penyokongnya tidak akan meninggalkan parti berkenaan.

"Ini parti kita. Kita tidak akan tinggalkan Keadilan!," tegasnya dipercayai merujuk gesaan oleh sesetengah ahli dan pimpinan PKR yang mahu beliau dan penyokongnya meninggalkan parti selepas dikatakan terus bertelagah dengan Anwar.

Beliau turut menjelaskan bahawa Anwar masih ketuanya serta kekal sebagai Presiden PKR.

"Dia masih ketua saya, presiden saya. Itulah sebabnya saya perlu berunding dan bercakap dengan dia," katanya.

Pada persidangan kelmarin, Mohamed Azmin mendakwa, beliau dilabelkan sebagai pengkhia-



BHTV

nat parti oleh sebahagian pembahas sehingga memaksanya bersama penyokong mengambil keputusan keluar dewan.

Beliau turut menjelaskan bahawa Anwar masih ketuanya serta kekal sebagai Presiden PKR.

"Dia masih ketua saya, presiden saya. Itulah sebabnya saya perlu berunding dan bercakap dengan dia," katanya.

Kelmarin, Timbalan Presiden PKR itu bersama kumpulan meninggalkan kongres kerana mendakwa Anwar tidak memenuhi janji memastikan pembahas patuh pada kerangka dan parameter ucapan yang dipersetujui dalam satu pertemuan antara mereka berdua dan 20 ahli MPP di bangunan Parlimen, Rabu lalu.

Sementara itu, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson mengakui perselisihan yang wujud dalam PKR khususnya membabitkan kumpulan Mohamed Azmin belum berakhir, namun beliau percaya masih ada tempoh dan ruang bagi semua pihak yang bertelingkah bertemu dan mencari jalan mewujudkan semula perpaduan dalam kalangan mereka.

Beliau turut menjelaskan, perselisihan itu hanya membabitkan

pimpinan dan bukan ahli.

"Memang tidak bertaut, itu mungkin hanya dalam kalangan pimpinan tertinggi parti, tetapi yang hadir kongres ini lebih 80 peratus perwakilan, yang tinggal 15 peratus itu bukan tidak setuju, tetapi ada yang balik, sakit (contohnya). Kalau ikut saya, kongres itu cecah (kehadiran) 90 peratus, ini besar bagi saya," katanya.

Terdahulu dalam ucapan penggulungannya, Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) itu menegaskan, beliau menerima mesej disampaikan perwakilan yang mahu parti mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran disiplin, termasuk tidak hadir mesyuarat PKR, namun masih ada pihak tidak dapat menerima apabila dikenakan tindakan kerana kesalahan berkenaan.

"Ini mesej yang kita dengar dengan jelas, tetapi dengan cara dan kaedah lebih bijak. Apabila pegawatan tinggi, ada risiko. Ini kawan-kawan kita, sebab itu saya ambil pendekatan lembut, saya tidak pernah marah.

"Macam kes (pemecatan Ketua Cabang PKR Bera, Zakaria Abdul Hamid dan ahli PKR Pahang, Ismail Dulhadi), lembaga disiplin (parti) buat keputusan, MPP juga dah putuskan," katanya sambil bertanya, bagaimana sebuah parti reformis seperti PKR mahu beliau memohon maaf kerana mengambil tindakan terhadap ahli yang terbabit rasuah.

Anwar juga menegaskan, beliau masih boleh bersabar dengan tindakan mereka yang keluar dewan ketika kongres berlangsung, tetapi tidak dengan kes rasuah.

"Perwakilan juga mahu parti lebih bersatu dan berdisiplin bagi memastikan agenda reformasi dan membela rakyat dapat diteruskan. Perwakilan tegas menyatakan pandangan mereka dan sentimen itu agak kuat, mahukan parti lebih bersatu dan lebih berdisiplin," katanya.